

**MEMO**

Kepada : **SEMUA STAF  
KAMPUS BESTARI JAYA & SHAH ALAM**

Daripada : Pengarah  
Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (CICT)

Tarikh : 7 April 2020

Perkara : **PENGGUNAAN APLIKASI ZOOM**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (CICT) ingin memaklumkan bahawa penggunaan perkhidmatan sidang video digunakan secara meluas oleh semua warga UNISEL untuk tujuan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) dan mesyuarat. Salah satu aplikasi sidang video yang sering digunakan selain daripada Google Meet dan Skype adalah aplikasi Zoom.

Aplikasi Zoom adalah satu aplikasi sidang video yang boleh diakses dari web secara percuma. Aplikasi Zoom ini mempunyai kelemahan keselamatan di mana kecurian data, maklumat peribadi dan mencuri dengar boleh dilakukan oleh penggodam. Buat masa ini, adalah dinasihatkan kepada semua staf tidak menggunakan aplikasi Zoom tersebut.

Kerjasama yang diberikan amatlah dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian untuk makluman dan perhatian semua staf.

Terima kasih.

**"PENERAJU TRANSFORMASI"**

Yang menjalankan tugas,



**Ts. Dr. WAN AZLAN BIN WAN HASSAN@WAN HARUN**  
Pengarah  
Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (CICT)